

Najib Rasmi Festival Ramadan Putrajaya 2014

Bernamea

July

1,

2014

PUTRAJAYA, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merasmikan Festival Ramadan Putrajaya 2014 bertempat di perkarangan Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj).

Dalam ucapan perasmiannya, Najib berkata festival itu memberi kemudahan kepada pengguna untuk mendapatkan keperluan bulan puasa dan Hari Raya dengan harga yang berpatutan.

"Saya juga amat tertarik dengan konsep festival yang menampilkan dan menggabungkan unsur-unsur keagamaan dan perniagaan yang dapat memberi manfaat kepada pengguna Islam, " katanya.

Pada majlis itu beliau turut menyampaikan sumbangan kepada rumah-rumah anak yatim dan badan kebajikan berjumlah RM15,000.

Perdana menteri kemudian melawat gerai-gerai jualan di festival berkenaan.

Festival itu diadakan di sekitar Kompleks PPj, Kiblat Walk dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Presint 3 di sini dan dibuka dari pukul 12 tengah hari hingga 12 tengah malam.

Festival itu dianjurkan dengan kerjasama PPj, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Antara aktiviti yang bakal diadakan sepanjang festival bermula 29 Jun hingga 27 Julai itu ialah jualan juadah makanan, jualan barang keperluan Hari Raya dan aktiviti keagamaan termasuk ceramah agama yang menampilkan penceramah popular seperti Ustaz Kazim Elias.

Selain itu PPj turut akan mengedarkan kurma, air zam zam serta jamuan terbuka dan moreh secara percuma kepada pengunjung.

Festival itu turut dimeriahkan dengan pertandingan 'Panjut Komuniti', persembahan nasyid oleh kumpulan nasyid popular seperti Kumpulan Inteam,

Saujana dan Nowseeheart serta selawat dan qasidah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1050612>